

Mungkin jika dilihat 10 tahun lalu, agak sukar untuk mendapatkan kek bulan selain ia lebih sinonim dengan masyarakat Cina namun disebabkan keenakan rasa, kek bulan kini semakin dikenali dan mudah didapati.

Terbaharu Yayasan Buah Pinggang Kebangsaan Malaysia (NKF) menjalankan projek amal tahunannya dengan menjual kek bulan dalam usaha memberi bantuan kepada 1,700 individu kurang bernasib baik yang menjalankan rawatan dialisis di 28 pusat NKF.

Didatangkan dalam dua jenis kotak iaitu kotak A yang mengandungi empat

JUAL KEK BULAN BANTU 1,700 JALANI DIALISIS

kek bulan daripada pelbagai perisa yang dijual pada harga RM68 manakala untuk kotak B mengandungi enam keping kek bulan juga daripada pelbagai perisa pada harga RM88.

Hasil daripada jualan itu akan disalurkan untuk rawatan dan sokongan pesakit dialisis yang kurang bernasib baik serta membiayai usaha berterusan NKF

dalam mendidik orang ramai mengenai pencegahan awal dan pengurusan penyakit buah pinggang.

Selain berkongsi dengan orang yang tersayang, orang ramai juga boleh membawa kegembiraan dengan membelikan kek bulan itu untuk diserahkan kepada pesakit NKF dan keluarga mereka.

Ketua Pegawai NKF Chua Hong Wee berkata, setiap

tahun, NKF memerlukan RM24.9 juta untuk menanggung kos rawatan dialisis pesakit.

“Projek amal tahunan ini adalah sebahagian daripada inisiatif pengumpulan dana kami untuk menyokong misi berterusan sejak 50 tahun yang lalu dalam menyediakan peluang kedua untuk kehidupan pesakit buah pinggang peringkat akhir



ANTARA kek bulan yang dijual NKF.

(ESRF),” katanya.

Bagi individu yang ingin terbabit dalam program amal ini dengan membeli kek bulan NKF boleh dapatkan borang pesanan dalam talian di <http://www.nkf.org.my> serta pembayaran boleh dibuat

melalui kad kredit, cek atau pos serta wang tunai melalui deposit atau pemindahan perbankan. Bukti pembayaran hendaklah dilampirkan bersama borang pesanan lengkap dan dikembalikan melalui faks atau e-mel.